



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

---

## **PEKELILING PENDAFTAR**

---

**Bilangan 33 Tahun 2022**

### **PELAKSANAAN KEMUDAHAN LATIHAN SUB-KEPAKARAN, LATIHAN KLINIKAL DAN LATIHAN KEPAKARAN UNTUK PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERGIGIAN DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan memaklumkan berkenaan pelaksanaan kemudahan Latihan Sub-Kepakaran, Latihan Klinikal dan Latihan Kepakaran yang diberikan kepada Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian (staf bukan akademik) di Universiti Teknologi MARA.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Mesyuarat Majlis Sumber Manusia (MSM) Bil. 65/2022 pada 18 Mac 2022 telah bersetuju meluluskan cadangan dasar pelaksanaan Latihan Sub-Kepakaran, Latihan Klinikal dan Latihan Kepakaran kepada Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian di Universiti Teknologi MARA dengan penetapan syarat dan terma bagi setiap kategori latihan seperti yang dinyatakan dalam garis panduan yang dilampirkan bersama-sama pekeliling ini.
- 2.2 Jawatankuasa yang diberi kuasa untuk membuat keputusan kepada permohonan kemudahan latihan ini adalah Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia (JKI-PKSM). Bahagian Kemajuan Kerjaya, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar bertindak sebagai urus setia.

### 3.0 TATACARA PERMOHONAN

- 3.1 Penerangan dan panduan pelaksanaan bagi setiap kategori latihan adalah seperti di dalam **garis panduan yang dilampirkan** bersama-sama pekeliling ini.
- 3.2 Permohonan yang lengkap hendaklah dimajukan kepada Bahagian Kemajuan Kerjaya, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar UiTM melalui Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing.
- 3.3 Permohonan adalah menggunakan borang permohonan yang boleh dimuat turun dari laman web Pejabat Pendaftar UiTM (<https://pendaftar.uitm.edu.my/muat-turun/borang>).

### 4.0 TARIKH DIKELUARKAN

- 4.1 Pekeliling dikeluarkan pada 18 Ogos 2022.

### 5.0 TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Pekeliling ini berkuat kuasa pada 01 September 2022.



**HAJI MUHAMAD NIZAM BIN NOORDIN**  
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Penolong Naib Canselor  
Semua Dekan Fakulti  
Semua Rektor Kampus Negeri  
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)  
No Siri : 100-BPD(Bil.33/2022)